

Tun Razak pentadbir cekap: Dr Mahathir

BH- 25/1/2005: 8

KUALA LUMPUR: Perdana Menteri kedua Allahyarham Tun Abdul Razak Hussein adalah pentadbir yang cekap dan berjaya mewujudkan sistem pentadbiran moden dalam perkhidmatan awam yang diwarisi negara sehingga sekarang.

Tun Dr Mahathir Mohamad berkata, Abdul Razak berjaya menyumbangkan kecekapan pentadbirannya untuk meletakkan asas politik, ekonomi serta sosial negara terus tenteram dan dapat dibangunkan dengan pesat.

Beliau berkata, walaupun Malaysia mewarisi sistem pentadbiran British, tidak ramai rakyat negara ini ketika itu dilatih dan berpengalaman dalam pentadbiran seperti yang berjaya dilakukan Abdul Razak.

"Tun Abdul Razak bukan saja berjaya membangunkan idea baru untuk dilaksanakan jentera pentadbiran, malah keberkesanannya adalah warisan berharga hasil sumba-

ngan beliau.

"Inilah Tun Abdul Razak yang saya kenali...seorang berilmu, berpengalaman dan pintar. Bekerja di bawahnya memerlukan sikap bertanggungjawab kerana apabila diberi tugas hendaklah berusaha bersungguh-sungguh menjayakan tugas itu," katanya.

Dr Mahathir berkata demikian ketika menyampaikan ucapan bertajuk Tun Abdul Razak Dari Perspektif Tun Dr Mahathir, sempena Majlis Makan Malam dan Diskusi Bersama Tun Dr Mahathir, di sini malam tadi.

Majlis dianjurkan Persatuan Alumni Yayasan Tun Razak (AYTR) dengan kerjasama Yayasan Tun Razak (YTR) dan Yayasan Kepimpinan Perdana.

Turut hadir Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali dan balu Allahyarham Tun Razak, Tun Rahah Mohd Noah, selaku penaung AYTR; Ahli Lembaga Pemegang Amanah YTR, Tan Sri



DR MAHATHIR bersama Mohamed Ayaz (kiri) dan ahli AYTR pada majlis makan malam, di Kuala Lumpur, malam tadi

Michael Chen, dan Pengerusi Persatuan Alumni Yayasan Tun Razak, Mohamed Ayaz Ismail.

Hadir sama penasihat AYTR, Datuk Mohamed Nazim dan Datuk Mohd Nazir yang juga anak Abdul Razak.

Dr Mahathir menghargai kepercayaan Tun Razak kepadanya dalam pentadbiran kerajaan ketika berkhidmat dengan bekas Perdana Menteri, Tun Hussein Onn.

"Jika tidak kerana kepercayaan

Tun Razak kepada saya sudah tentu saya tidak menjawat jawatan penting dalam Kabinet pada masa itu dan seterusnya menjadi Timbalan Perdana Menteri dan dilantik Perdana Menteri," katanya.